

# PELAKSANAAN HUKUMAN ALTERNATIF BAGI PESALAH MUDA DAN WANITA MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

NURHIDAYAH BINTI AZAHARI<sup>1</sup>  
ZANARIAH BINTI DIMON<sup>2</sup>

Corresponding Author: [nurhidayahazahari93@gmail.com](mailto:nurhidayahazahari93@gmail.com)

## ABSTRAK

Hukuman alternatif merupakan hukuman selain yang diperuntukkan menurut Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984, iaitu denda, penjara dan sebatan. Penulisan dan kajian mengenai pelaksanaan hukuman alternatif telah banyak dikaji dan relah dibincangkan. Malah ada juga beberapa negeri telah pun melaksanakan hukuman alternatif bahkan di peringkat Persekutuan juga, hukuman alternatif ini telah dilaksanakan sejak sekian lama dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namun, ketiadaan peruntukan dan kayu ukur yang jelas mengenai pelaksanaan hukuman alternatif dari sudut perundangan Islam, telah menimbulkan kesukaran badan kehakiman syariah untuk memutuskan hukuman alternatif yang bersesuaian terhadap pesalah muda dan wanita khususnya. Timbul persoalan sejauh manakah penguatkuasaan dan kekuatan perundangan di Malaysia dalam melaksanakan hukuman alternatif khususnya kepada pesalah muda dan pesalah wanita? Bentuk kesalahan yang bagaimanakah pesalah muda dan pesalah wanita boleh dikenakan hukuman alternatif? Apakah bentuk hukuman alternatif yang bersesuaian terhadap dua kategori pesalah ini? Adakah wujud peruntukan khusus mengenai pesalah muda dan pesalah wanita? Berdasarkan kepada persoalan-persoalan yang timbul, kertas kerja ini akan mengupas mengenai pelaksanaan hukuman alternatif terhadap pesalah muda dan wanita menurut undang-undang Syariah. Kajian kualitatif ini menggunakan metod kajian perpustakaan serta dokumen seperti Al-Quran, buku, kertas kajian dan juga kajian kes. Kertas kerja ini juga akan memperhalusi konsep pelaksanaan hukuman alternatif terhadap pesalah muda dan wanita yang belum begitu meluas pelaksanaannya khususnya di Mahkamah Syariah jika dibandingkan dengan hukuman yang sedia ada seperti denda, penjara dan sebatan. Kajian ini penting dalam usaha untuk memperbaiki mutu dan kualiti perundangan di Malaysia khususnya undang-undang Syariah yang lebih menitikberatkan nilai dan elemen pemulihan berdasarkan objektif pelaksanaan hukuman menurut Syarak.

**Kata kunci:** hukuman alternatif, pesalah muda, pesalah wanita, undang-undang Islam

## 1. Pendahuluan

Undang-undang Islam adalah undang-undang yang bersifat *rabbani*, hikmah dan berfalsafah yang disebut sebagai Syariah yang diturunkan melalui wahyu Allah s.w.t kepada hamba-hambaNya bersesuaian dengan fitrah setiap makhlukNya. Skop Syariah adalah luas dan menyeluruh yang meliputi hal-hal berkaitan ibadah, muamalat, kekeluargaan, siasah, jenayah dan lain-lain (Yusuf Al-Qardawi, 1998).

Perundangan Islam juga bersifat komprehensif dan fleksibel untuk diterapkan pelaksanaannya dalam masyarakat Islam di serata dunia termasuklah di Malaysia. Umumnya, perundangan dan hukuman di dalam Islam terbahagi kepada tiga jenis iaitu, Hudud, Qisas dan Takzir. Bagi hukuman Hudud, ianya merangkumi hak-hak Allah s.w.t yang jelas tidak berubah bentuk hukumannya dan ianya bersifat mandatori. Ia juga merupakan suatu bentuk hukuman bagi melindungi hak awam dan masyarakat selain hukuman Hudud ini berfungsi bagi tujuan pencegahan dan bersifat menghukum (Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015).

---

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana Syariah dengan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Qisas pula adalah hukuman berbentuk pembalasan apabila berlakunya pelanggaran hak Allah s.w.t dan yang lebih ditekankan dalam bentuk hukuman Qisas ini adalah hak individu. Al-Mawardi di dalam kitabnya, *Al-Ahkam as-Sultaniyah* mentakrifkan Qisas adalah keseksaan-keseksaan yang ditentukan Syarak dan dilaksanakan bagi menjaga kepentingan individu (Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015). Qisas juga adalah kesalahan yang menyentuh hak individu dan dihukum dengan hukuman yang ditentukan oleh Syarak yang bersifat pembalasan (Paizah Haji Ismail, 1991).

Manakala Takzir pula adalah hukuman yang melanggar hak Allah s.w.t dan hak awam. Jenis kesalahan di bawah hukuman Takzir telah disyariatkan menurut Syarak namun bentuk hukumannya bergantung kepada budi bicara pemerintah atau Hakim. Hukuman di bawah Takzir tidak bersifat tetap dan mandatori malahan mempunyai pelbagai bentuk pilihan hukuman berdasarkan kepada pertimbangan Hakim (Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015).

Berdasarkan hukuman Takzir yang bergantung sepenuhnya kepada budi bicara Hakim dan pemerintah, pelbagai bentuk dan kaedah hukuman boleh diimplementasi dan diaplikasikan antara lainnya adalah hukuman alternatif berbentuk pemulihan selari dengan objektif dan matlamat hukuman menurut Syarak yang di antara lainnya adalah bertujuan dan berobjektifkan pemulihan.

Hukuman berbentuk pemulihan adalah penting sebagai pembentukan akhlak dan memperbaiki semula jati diri seseorang individu yang telah melakukan sesuatu kesalahan berkaitan pelanggaran moral dan kesusilaan khususnya. Akhlak dapat difahami sebagai sikap, sifat dan tingkahlaku yang menggambarkan keperibadian seseorang (Azizah Mat Rashid et al., 2015).

Akhlak bermaksud tabiat, budi pekerti, atau perlakuan baik atau buruk manusia (Nurul Husna Mansor et al., 2017). Akhlak yang baik akan melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi dan oleh sebab itu, pembentukan akhlak amat penting sebagai suatu indikator kekuatan pembangunan sesebuah tamadun bangsa dan negara seperti penghayatan nilai-nilai murni, akhlak mulia dan etika ketamadunan yang baik (Adibah Bahori et al., 2017).

Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan teknologi hari ini, krisis keruntuhan akhlak dilihat sebagai suatu fenomena yang semakin membimbangkan. Tambahan lagi, peruntukan hukuman yang dilihat semakin tidak digeruni malah hukuman bersifat material seperti denda dijadikan hukuman keutamaan menyebabkan kebanyakan pesalah tidak gerun untuk melakukan kesalahan pelanggaran moral dan kesusilaan.

Umumnya, kesalahan berkaitan moral dan kesusilaan seringkali melibatkan pesalah muda dan wanita di Mahkamah Syariah seperti khalwat, persetubuhan di luar nikah, berkelakuan tidak sopan di tempat awam dan lain-lain lagi. (Mohd Abu Hassan Abdullah et al., 2017). Hukuman terhadap kesalahan-kesalahan moral dan kesusilaan bukan sahaja memerlukan kepada elemen pencegahan atau pembalasan, malah elemen pemulihan lebih dilihat sebagai suatu keperluan utama bagi membentuk semula akhlak dan jati diri dalam kalangan pesalah khususnya pesalah muda dan wanita yang sifatnya lebih mudah menerima dan dibentuk.

Oleh itu, kertas kerja ini akan memfokuskan perbincangan mengenai salah satu bentuk hukuman Takzir di bawah undang-undang Islam yang menjadi amalan di Malaysia iaitu pelaksanaan hukuman alternatif bagi pesalah muda dan wanita menurut undang-undang Islam di Malaysia.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan rekabentuk kajian kualitatif ini adalah kajian kes. Kajian ini menyentuh mengenai hukuman alternatif khusus kepada pesalah muda dan wanita menurut Undang-undang Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan serta dokumen seperti buku-buku, statut dan dokumen perundangan berkaitan pelaksanaan hukuman alternatif menurut undang-undang Islam di Malaysia.

## 3. Konsep Jenayah dan Hukuman

Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut mengenai hukuman alternatif, adalah relevan jika mengupas apakah konsep jenayah dan hukuman menurut Syarak. *Al-jarimah* atau *al-jinayah* adalah istilah Arab yang digunakan di dalam Undang-undang Jenayah Islam yang memberi maksud jenayah dan ianya berkait rapat dengan *al-uqubah* iaitu, hukuman. Istilah *al-jinayah* ditakrifkan sebagai larangan bagi segala bentuk tindakan atau perbuatan yang merosakkan nyawa, badan, harta benda, akal dan juga keturunan selari dengan Maqasid Syariah (Abu Mazaya Al-Hafiz, et al. 2015)

Takrifan *al-jinayat* atau *jinayah* berasal dari kata dasar *jana* iaitu melakukan kesalahan terhadap tubuh, harta dan maruah. Dari segi bahasa ditakrifkan sebagai perbuatan yang dicela dan mendatangkan dosa (Mahmud Saedon Awang, 2000) selari dengan firman Allah s.w.t di dalam surah Al-Mutafifin,

إِنَّ الَّذِينَ أَجْرَمُوا كَانُوا مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا يَضْحَكُونَ

Maksudnya : Sesungguhnya orang yang berdosa – melakukan jenayah adalah mereka yang ketawa melihat orang yang beriman

(Surah al-Mutafifin : 29)

Manakala jenayah menurut Fuqaha' bermaksud pencerobohan terhadap tubuh yang boleh dikenakan hukuman Qisas dan diyat (Mustofa Al-Khin et al, 2016). Menurut Al-Mawardi (1966) pula di dalam kitabnya *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilkayah al-Diniyyah*, jenayah telah ditakrifkan sebagai kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman hudud, qisas dan takzir menurut Syarak. Menurut perspektif jenayah Islam, jenayah bermaksud suatu dosa, kesalahan, jenayah, pelaku jenayah, dan tindakan kemaksiatan tanpa mengambil kira sama ada ianya dilakukan dengan sengaja atau tidak (Dr. Mohammad Shabbir, 2002).

Pengertian jenayah Islam merangkumi pengertian am dan juga khusus. Secara amnya, jenayah ialah sesuatu perbuatan atau perlakuan yang tidak baik dan pelakunya mendapat dosa. Manakala dari sudut khusus yang terkandung menurut perundangan, ianya merupakan apa sahaja perkara yang dilarang di dalam Islam dan jika dilakukan, maka ianya adalah suatu dosa dan dengan itu ia boleh ditakrifkan sebagai jenayah serta mempunyai implikasi dan kesan-kesan tertentu dari segi hukuman (Abu Mazaya al-Hafiz, et al, 2015).

Menurut perspektif Islam, pelanggaran dan peninggalan terhadap hukum Syarak juga merupakan suatu bentuk kesalahan dan boleh dihukum berdasarkan hukuman hudud, qisas atau takzir. Jenayah juga boleh dikatakan sebagai suatu pelanggaran terhadap *Maqasid Syariah* yang digariskan Syarak. Islam begitu memuliakan *Maqasid Syariah* berdasarkan kepada lima perkara dalam memelihara akal, agama, nyawa, nasab dan harta. Islam menganggap bahawa

jenayah merupakan suatu kesalahan yang mesti dihukum kerana ianya melibatkan pelanggaran hak Allah dan hak manusia serta makhluk lain (Muhammad Fathi Yusof, 2014).

Oleh itu, terma jenayah digunakan bagi maksud melakukan perbuatan yang dilarang yang menunjukkan bahawa tindakan dan perbuatan itu menyalahi undang-undang sehingga menyebabkan hukuman boleh dikenakan kepada pesalah.

Manakala hukuman pula adalah sebagai suatu langkah terakhir di dalam prosiding Mahkamah. Hukuman menurut Bahasa Arab adalah *uqubah* yang memberi maksud, suatu pembalasan yang bertujuan mencegah manusia daripada melakukan perkara yang ditegah dan meninggalkan perkara yang disuruh. Ia dikenakan terhadap seseorang mukallaf yang telah disabitkan melakukan sesuatu jenayah yang perlu dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan jenayahnya menurut Syarak (Mahmud Saedon Awang Othman, 2000).

Hukuman berasal dari kata dasar hukum menurut bahasa Arab yang jamaknya adalah *Ahkam* (Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015). Kamus Dewan Bahasa edisi keempat (2005) memberi maksud, hukuman adalah peraturan yang dibuat oleh sesuatu kekuasaan. Dari sudut bahasa, ia bermaksud suatu pencegahan atau larangan manakala dari sudut istilah yang memberi maksud khitab atau perintah Allah S.W.T yang berkait rapat dengan perbuatan mukallaf.

Asasnya, hukuman adalah berbentuk retributif yang menekankan bahawa pesalah perlu dihukum dengan hukuman yang telah ditetapkan (Mohammad Shabbir, 2002). Hukuman atau *uqubah* dari sudut Syarak adalah sebagai satu balasan yang ditetapkan oleh Syarak ke atas mereka yang melanggar dan mengingkari perintah Allah S.W.T dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan umum (Abdul Qader 'Awdah, 1999).

Dari sudut terminologinya, hukuman bermaksud suatu perbuatan yang dilakukan terhadap seseorang sebagai akibat dari kesalahan yang dilakukannya (Rusdiana Hamid 2006). Hukuman juga dilihat sebagai suatu rahmah yang dikurniakan kepada manusia (Ramizah Wan Muhammad, 2018) berdasarkan firman Allah di dalam surah al-Anbiya'

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya : Dan tiadalah Kami mengutus kamu melainkan untuk  
(menjadi) rahmat bagi semesta alam

(surah al-Anbiya' : 107)

### 3.1 Maltlamat dan Objektif Undang-undang Jenayah Islam

Islam disyariatkan untuk membawa kebaikan dan maslahah serta rahmat kepada seluruh alam. Hal ini bertepatan dengan firman Allah di dalam Surah Yunus,

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ  
وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya : "Wahai manusia, telah datang kepada kamu satu pengajaran dari Tuhan kamu, dan ubat bagi hati kamu dan petunjuk serta rahmat untuk orang-orang yang beriman."

(Surah Yunus : 57)

Allah s.w.t menyeru kepada hamba-hambaNya untuk melaksanakan dan mematuhi syariat Islam. Undang-undang Islam sebagai salah satu Syariat yang diturunkan bagi menjaga masalah manusia berdasarkan kepada Maqasid Syariah. Contoh yang dapat dilihat adalah hukuman-hukuman yang diperuntukkan memberikan hikmah sebagai langkah pencegahan, pembalasan dan juga pemulihan.

Undang-undang jenayah Islam berperanan sebagai suatu mekanisme menentukan jenis dan bentuk kesalahan serta hukuman berdasarkan kepada prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang. Tujuan utama pelaksanaan hukuman Takzir menurut syariat Islam adalah sebagai pencegahan, pemulihan dan pendidikan (Paizah Hj Ismail, 1996). Matlamat hukuman menurut undang-undang jenayah Islam adalah bersifat adil dan berperikemanusiaan kerana ia bukan semata-mata untuk menyeksa tetapi memberikan pembalasan setimpal, bertujuan mendidik dan mengajar masyarakat seluruhnya, mengandungi unsur kemaafan dan pemulihan dan menekankan unsur pencegahan (Mahmud Saedon Awang Othman, 2000).

Undang-undang jenayah Islam juga bermatlamat untuk memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat terjamin dalam menjalankan kehidupan tanpa gangguan (Mohammad Shabbir, 2002). Undang-undang Islam tiada bandingannya dari segi kualiti keadilannya jika dibandingkan dengan undang-undang hasil ciptaan manusia yang telah menggariskan beberapa objektif hukuman jenayah Islam di antaranya adalah sebagai pembalasan, pencegahan dan pemulihan (Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015).

Oleh itu, objektif hukuman bukan sahaja untuk mendidik pesalah, menghukum dengan memberikan pembalasan yang setimpal malahan untuk mendisiplinkan pesalah dengan menahan diri dari melakukan kesalahan yang melanggar hak-hak Allah dan hak-hak manusia (Ramizah Wan Muhammad, 2018). Sesuai dengan fitrah manusia dan kesaksamaan sejagat, pembalasan adalah bertujuan sebagai perlindungan dan kemaslahatan masyarakat. Hukuman jenayah juga berobjektifkan bagi memelihara keadilan, ketenteraman awam malah kestabilan sesebuah negara dalam mengawal masyarakatnya (Gerald Gardiner, 1958).

#### **4. Hukuman Alternatif Hukuman bagi Pesalah Muda dan Pesalah Wanita**

Hukum Islam adalah bersifat komprehensif yang meliputi setiap aspek kehidupan manusia selaras dengan sifat syumul syariat Islam (Siti Shamsiah Md. Supi, 2005). Umumnya, hukuman alternatif adalah hukuman yang termasuk di bawah hukuman takzir apabila bentuk dan jenis kesalahan yang boleh dikenakan ditentukan oleh pemerintah seperti takrifan takzir itu sendiri.

Perbincangan dan penulisan mengenai hukuman takzir telah banyak dibincangkan dan jelasnya hukuman takzir adalah salah satu bentuk hukuman yang disyariatkan Islam namun bezanya, ianya hukuman yang tidak dinyatakan secara jelas bentuk dan jenis kesalahan dan juga bentuk serta jenis hukuman seperti hudud dan qisas. Selain itu juga, takzir turut merangkumi kesalahan hudud dan qisas namun jika syarat pelaksanaan hudud dan qisas tidak dapat dipenuhi, maka takzir adalah terpakai.

Oleh itu, dari sudut bahasa, takzir bermaksud menolak dan mencegah (Mat Saad Abd Rahman, 2002). Takzir dari sudut bahasa juga boleh ditakrifkan sebagai suatu pengajaran dan penghinaan. (Abd Jalil Borham, 2002). Manakala menurut istilah, takzir adalah pembalasan sesuatu maksiat atau kesalahan jenayah yang tiada peruntukan pembalasan had dan kaffarah (qisas) sama ada ia berkaitan hak Allah atau hak hambaNya (Wahbah Al-Zuhaily, 2002).

Takzir juga adalah suatu bentuk keseksaan atau hukuman yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran atau as-Sunnah yang bertujuan untuk memelihara *Maqasid Syariah* bermatlamat sebagai pencegahan (Mohammad Shabbir, 2002).

Berdasarkan takrifan-takrifan yang telah dibincangkan, jelaslah bahawa takzir adalah hukuman selain dari Hudud dan Qisas. Hukuman-hukuman takzir juga diklasifikasikan dengan pelbagai bentuk hukuman seperti denda, pemenjaraan, sebatan seperti yang menjadi amalan pelaksanaan di Malaysia pada hari ini. Dari sudut hukuman alternatif di Malaysia, banyak tafsiran telah dikemukakan oleh pakar perundangan dan juga pengkaji di antaranya Siti Zubaidah Ismail (2011) yang menyatakan bahawa hukuman alternatif adalah sebagai hukuman ganti kepada hukuman asal.

Takrifan yang diberikan oleh Dr. Siti Zubaidah Ismail (2011) ini bersesuaian dengan konsep *Uqubah Badaliyyah* menurut Fiqh perundangan Islam yang memberi maksud hukuman gantian kepada hukuman asal yang tidak dapat dilaksanakan di atas sebab-sebab Syarie contohnya seperti pelaksanaan hukuman diat yang menggantikan hukuman Qisas (Abdul Qader Awdah, 1993).

Selain itu, hukuman alternatif merupakan satu bentuk hukuman seiring dengan objektif hukuman Islam yang bermatlamatkan untuk menjaga masalah manusia dengan kaedah mendidik serta mentarbiyyah kepada pesalah supaya insaf dan tidak mengulangi kesalahan. (Mahamad Naser Disa, 2011). Hukuman alternatif juga adalah sebagai hukuman ganti kepada hukuman asal seperti realiti yang berlaku hari ini apabila pesalah gagal membayar denda, maka pesalah tersebut akan dipenjara (Noor Huda Roslan, 2013). Berbeza pula tafsiran yang menjelaskan bahawa hukuman alternatif adalah hukuman selain daripada hukuman denda, penjara dan sebatan yang sedia ada (Yusof Musa, 2014).

Menurut konteks undang-undang Islam, hukuman alternatif boleh ditakrifkan dengan pelbagai maksud diantaranya adalah hukuman alternatif adalah hukuman yang berbentuk gantian kegagalan membayar denda, maka pesalah akan dipenjarakan, hukuman lain yang difikirkan sesuai termasuk bon berkelakuan baik dan pemulihan akidah atau akhlak di pusat-pusat pemulihan (Nurul Atikah Abd Rashid, 2014).

Hukuman alternatif juga merupakan hukuman ganti kepada semua hukuman atau selain daripada yang diperuntukkan di dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa jenayah) 1984 (Jasri Jamal, Hasnizam Hashim, 2016). Oleh itu, berdasarkan kepada kepelbagaian takrifan berkenaan hukuman alternatif, dapat disimpulkan bahawa hukuman alternatif adalah hukuman gantian yang berbentuk pemulihan selain daripada hukuman kebiasaan yang diperuntukkan iaitu denda, penjara dan sebatan di bawah Akta 355.

Pemulihan berkemungkinan merupakan matlamat hukuman bersifat manusiawi namun tidak lari dari landasan matlamat penghukuman selagimana ianya bertujuan untuk mencegah penglibatan pesalah kepada jenayah. Teori hukuman berbentuk pemulihan ini adalah untuk mengintegrasikan pesalah kepada masyarakat.

#### **4.1 Pesalah muda dan wanita**

Pesalah muda menurut konteks Islam ialah seseorang yang belum mencapai umur baligh yang akan melalui dua fasa dalam kehidupan kanak-kanaknya iaitu sebelum *mumayyiz* dan selepas *mummayiz* (Alwi Hj Abdul Rahman, 1999). Umumnya, tahap kanak-kanak yang belum

mumayyiz adalah selepas kanak-kanak tersebut dilahirkan sehingga kanak-kanak tersebut mengenali dan memahami sesuatu keadaan baik atau buruk. Sekiranya kanak-kanak tersebut telah dapat memahami keadaan sekeliling serta baik dan buruknya sesuatu, kanak-kanak tersebut disifatkan sebagai telah mummayyiz namun segala perlakuannya adalah di bawah tanggungjawab ibu dan bapa sehingga ia mencapai akil baligh.

Istilah kanak-kanak juga ditakrifkan sebagai seseorang yang tidak mampu untuk menguruskan dirinya sendiri dan ia berada di bawah tanggungan ibu bapa atau penjaganya. Kanak-kanak juga adalah individu yang masih belum mencapai tahap baligh. (al-Dusuqi, Shamsu Ad-Din Al-Syeikh Muhammad 'Arafah, 1230H). Dalam menyifatkan seseorang kanak-kanak itu telah mencapai umur baligh, jumhur fuqaha yang terdiri daripada Mazhab Syafi'e, (Al-Nawawi, Imam Abi Zakariyya Yahya Ibn Syarf, 1966) Hanbali (Ibn Qudamah, Abu Abdullah Muhammad, 1972) Abu Yusuf dan Mazhab Hanbali (Ibn Humam, Muhammad Ibn' Abd Al-Wahid, 1970) telah menetapkan umur 15 tahun sebagai umur yang telah mencapai baligh.

Pesalah muda menurut konteks undang-undang Islam di Malaysia adalah seseorang yang berumur 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun menurut tafsiran Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003.

Manakala dari sudut pesalah wanita, umumnya Islam menganggap komuniti masyarakat sebagai suatu komuniti yang terdiri lelaki dan juga wanita dan ia melibatkan hal ehwal kesetaraan (*equality*). Lelaki dan wanita dilahirkan setaraf dan kedua-duanya memainkan peranan penting dalam perkembangan dan pembangunan masyarakat secara amnya (Trilok Singh, 2011). Islam tidak pernah membezakan kedudukan di antara kedua lelaki dan wanita jika dibandingkan terminologi Barat. Kedudukan seseorang wanita secara umumnya sama dengan kedudukan lelaki dan begitu juga sebaliknya dan ianya tidak mempengaruhi kehidupan sosial menurut Islam (Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015).

Islam juga telah menetapkan hak-hak setiap satunya sebagaimana kewajipan-kewajipan sebagai hambaNya. Pemecahan atas berbagai aktiviti didasarkan kepada anggapan bahawa ia merupakan perbuatan tertentu yang dilakukan sama ada lelaki atau wanita. Islam juga telah menetapkan *uqubah* atau hukuman Hudud, Qisas dan Takzir tanpa mendiskriptif di antara keduanya kerana kedudukan kedua-duanya adalah sama sebagai manusia (Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015).

Firman Allah s.w.t berdasarkan surah An-Nisa',

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ  
الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

Maksudnya : *Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (dikurangkan balasannya) sedikitpun*

(An-Nisa' : 124)

Firman Allah s.w.t di dalam Surah An-Nisa' adalah seruan Allah s.w.t berkaitan amal perbuatan manusia tanpa mendiskriptif kedudukan lelaki dan juga wanita menurut hak dan kewajipan setiap satunya. Walau bagaimanapun, penyelesaian akibat perbuatan tertentu akan berbeza jika watak dari salah satu di antara keduanya memerlukan penyelesaian yang berlainan oleh kerana manusia sememangnya memiliki watak karakteristik yang berbeza (Abu Mazaya

Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015). Islam datang dengan membawa Syariat yang pelbagai untuk dilaksanakan dengan mengambil kira kesesuaian di antara keduanya.

Manakala, menurut undang-undang Islam di Malaysia, pesalah wanita tidak ditafsirkan secara khusus di dalam mana-mana statut di peringkat negeri. Hal ini kerana, Islam telah menetapkan bahawa tiada perbezaan di antara lelaki dan wanita dalam melakukan kesalahan namun dari sudut konteks hukuman, ianya adalah berdasarkan suai manfaat hukuman terhadapnya. Oleh sebab itu, undang-undang Islam tidak membezakan hukuman yang dijatuhkan sama ada kepada pesalah lelaki atau wanita. Kedua-duanya akan berhadapan dengan hukuman yang sama walaupun melibatkan hukuman sebatan. Kaedah perlaksanaannya sahaja yang berbeza mengikut keadaan pesalah tersebut.

Oleh itu, adalah relevan wanita yang melakukan kesalahan untuk dihukum melalui kaedah pemulihan. Hal ini kerana, wanita sifatnya lebih mudah menerima dan dibentuk. Selain itu juga, tingkah laku wanita juga mudah dipengaruhi faktor-faktor persekitaran melalui corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan juga halangan (Azhar Ahmad, 2006)

## **5. Penguatkuasaan dan pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah**

Hukuman alternatif pada hari ini dilihat semakin mendapat tempat di Mahkamah Syariah berdasarkan kepada undang-undang jenayah Syariah yang menekankan kes-kes berkaitan aqidah, kesucian agama Islam, kesalahan berkaitan kesusilaan dan kesalahan pelbagai yang termaktub di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di setiap negeri.

Umumnya, takat hukuman di Mahkamah Syariah hanya terhad kepada 3:5:6 iaitu tiga tahun penjara, RM 5000 denda dan enam kali sebatan sejak hampir 37 tahun yang lalu menurut Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1984. Melihat kepada hukuman 3:5:6 yang diaplikasikan sehingga hari ini, kerelevanan dan kesesuaian hukuman jenayah Syariah dilihat mengutamakan hukuman berbentuk material (Siti Zubaidah Ismail, 2011).

Hukuman yang bersifat material dengan sekadar membayar denda sahaja dilihat semakin kurang berkesan dan tidak menimbulkan kegerunan serta keinsafan kepada pesalah-pesalah (Jasri Jamal, Hasnizam Hashim, 2014). Manakala sebagai alternatif jika gagal membayar denda, pesalah akan dipenjarakan (Norliana Zaimon, Mohd Al-Adib Samuri, 2018). Hal ini menyebabkan jika pesalah yang berkemampuan, sekadar dijatuhi hukuman berbentuk denda 5 ia bukan suatu masalah bagi pesalah tersebut.

Oleh itu, keperluan kepada hukuman alternatif berbentuk pemulihan dilihat sebagai salah satu langkah bagi membendung masalah kesusilaan atau keruntuhan akhlak dari terus meningkat tambahan lagi dengan perkembangan teknologi masa kini yang banyak mempengaruhi perkembangan sosial. Hukuman alternatif juga bukan semata-mata untuk memberi pembalasan atas kesalahan yang dilakukan malah untuk mendidik dan memulihkan pesalah selari dengan objektif hukuman menurut Syarak (Norliana Zaimon, Mohd Al-Adib Samuri, 2018).

Punca kuasa bagi hukuman alternatif di Mahkamah Syariah adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 97 (2) (b) dan (c) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003 contohnya, yang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk mempertimbangkan hukuman dengan mengambil kira faktor umur, latar belakang, watak, kesihatan atau keadaan mental pesalah, sama ada ringan atau berat kesalahan yang telah dilakukan selain mengambil kira sama ada



pesalah tersebut terkategori kepada golongan yang tidak suai manfaat untuk dikenakan hukuman yang sedia ada (Norliana Zaimon, Mohd Al-Adib Samuri, 2018).

Bagi pesalah muda, peruntukan mengenai pelaksanaan hukumannya adalah tertakluk di bawah Seksyen 128 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Walau bagaimanapun, pesalah muda menurut tafsiran di bawah Seksyen 2 Enakmen yang sama menyatakan bahawa pesalah muda bermaksud seseorang pesalah yang berumur 10 tahun dan kurang di bawah 16 tahun (Siti Zubaidah Ismail, 2008)

Manakala bagi pesalah wanita, tiada tafsiran khusus mengenai maksud wanita menurut statut perundangan Syariah, namun ada satu peruntukan khusus mengenai pesalah wanita berdasarkan kepada Seksyen 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah bahawa Mahkamah mempunyai kuasa untuk mengkomitkan wanita yang disabitkan ke pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan. Hukuman pengkomitan ke pusat pemulihan adalah rentetan dari pelbagai kesalahan berkaitan kesusilaan khususnya pesalah wanita dan ini telah dinyatakan di dalam peruntukan yang sama (Siti Zubaidah Ismail, 2008).

## **6. Bentuk kesalahan dan hukuman alternatif bagi pesalah muda dan wanita**

Umumnya, Undang-undang Jenayah Syariah adalah undang-undang diri dan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Enakmen Jenayah Syariah adalah menumpukan kepada kesalahan berkaitan aqidah, kesucian agama Islam, kesusilaan dan juga pelbagai. Walau bagaimanapun, pesalah muda dan juga pesalah wanita acapkali dikaitkan dengan kesalahan berkaitan kesusilaan seperti khalwat, berkelakuan tidak sopan, persediaan kepada persetubuhan, muncikari dan lain-lain lagi.

Penglibatan pesalah muda dan pesalah wanita khususnya dalam kancas sosial masa kini dilihat semakin mencabar tambahan lagi dengan takat hukuman yang jelas agak ketinggalan dan perlunya kepada pelaksanaan hukuman alternatif untuk lebih dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah sebagai langkah penyelesaian krisis sosial dan akhlak seiring dengan matlamat dan objektif hukuman menurut Syarak tercapai. (Adibah Bahori et al., 2017)

Oleh kerana hukuman alternatif adalah tertakluk di bawah hukuman takzir, maka bentuk-bentuk hukuman adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara Mahkamah mengikut kesesuaian jenis kesalahan. Pesalah muda di Mahkamah Syariah adalah salah satu bentuk peringanan hukuman di bawah faktor umur pesalah manakala pesalah wanita pula dapat dikategorikan di bawah faktor watak seperti yang diperuntukkan di bawah peruntukan Seksyen 97 (2) (b) dan (c) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah.

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah telah mengkhususkan hukuman alternatif kepada pesalah muda di Mahkamah Syariah dengan hukuman bon berkelakuan baik yang menjadi amalan kebiasaan penghukuman selama dalam tempoh tidak lebih dua tahun. Mahkamah dalam memutuskan hukuman tersebut akan melihat kepada jenis kesalahan, ringan atau beratnya sesuatu kesalahan, faktor umur dan juga lain-lain.

Pertimbangan Mahkamah bagi pesalah muda lebih dititikberatkan oleh kerana jika pesalah muda dijatuhi hukuman berbentuk denda, ianya akan dipandang remeh dengan anggapan bahawa setiap kesalahan hanya perlu dibayar mengikut kadar denda yang telah diputuskan. Manakala jika Mahkamah memerintahkan pesalah muda untuk dipenjarakan, dikhuatiri memberikan impak yang negatif dan mampu mempengaruhi kesalahan yang lebih berat tambahan lagi jika tiada pengasingan di antara pesalah dewasa yang mungkin lebih berat

kesalahannya. (Norliana Zaimon, Mohd Al Adib Samuri, 2018). Hukuman alternatif bagi pesalah muda tertakluk di bawah Seksyen 128 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003 yang memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh memberikan teguran kepada pesalah muda tersebut serta penyempurnaan bon berkelakuan baik perlu dilaksanakan jika Mahkamah berpuas hati hukuman tersebut wajar dilaksanakan.

Manakala bagi pesalah wanita pula, bentuk hukuman alternatif yang dilaksanakan adalah dengan mengkomitkan pesalah wanita ke pusat-pusat pemulihan namun ianya bukan suatu kemestian tetapi sekadar pilihan atau sebagai alternatif sebagai langkah untuk memulihkan pesalah wanita (Dr. Siti Zubaidah Ismail, 2013). Antara kesalahan yang membolehkan Mahkamah untuk mengkomit pesalah wanita adalah kesalahan yang tertakluk di bawah Bahagian IV Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 2003 seperti khalwat, berkelakuan tidak sopan, persediaan melakukan persetubuhan, sumbang mahram dan lain-lain.

Amalan kebiasaan yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah selain menjatuhkan hukuman denda bagi kesalahan di bawah Bahagian IV, hukuman pengkomitan ke pusat-pusat pemulihan adalah salah satu bentuk hukuman gantian kepada pemenjaraan dan sebagai hukuman tambahan dari hukuman denda. Namun, peruntukan bagi kesalahan di bawah Bahagian IV hanya menumpukan bentuk-bentuk hukuman yang sedia ada seperti yang termaktub di bawah Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah 1984. Contohnya bagi hukuman khalwat di bawah Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah 1995, terma hukuman yang digunakan adalah seperti berikut,

*“...apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”*

Walau bagaimanapun, keperluan kepada pelaksanaan hukuman berbentuk pemulihan adalah amat penting oleh kerana di pusat-pusat pemulihan, pesalah-pesalah wanita ini akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti pemulihan yang berbentuk keagamaan, kerohanian, kemahiran dan lain-lain lagi yang sekaligus meningkatkan jati diri dan keinsafan dalam kalangan pesalah wanita agar tidak mengulangi kesalahan yang sama di masa yang mendatang (Nurul Husna Mansor et al. 2017).

## **7. Kesimpulan**

Hukuman merupakan instrumen penting dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan perundangan khususnya perundangan Syariah yang berlandaskan Syarak. Pelbagai bentuk teori hukuman seperti pencegahan, pembalasan dan pemulihan selari dengan objektif dan matlamat hukuman itu sendiri untuk memberikan pembalasan di atas kesalahan, mencegah masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan yang sama dan juga pemulihan kepada diri pesalah itu sendiri supaya menginsafi kesalahan dan kembali patuh kepada undang-undang. Teori hukuman berbentuk pemulihan di Malaysia berkait rapat dengan hukuman alternatif yang telah dilaksanakan namun tahap pelaksanaannya tidak semua negeri mengamalkannya. Keperluan hukuman alternatif khususnya kepada pesalah muda dan wanita amat penting sebagai salah satu langkah membendung masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan pesalah muda dan wanita yang seringkali terlibat di dalam kesalahan berkaitan kesusilaan. Oleh itu, pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman alternatif bagi pesalah muda dan pesalah wanita perlu ditambah baik dari sudut peruntukan yang memberikan kuasa berdasarkan budibicara Hakim

## 8. Rujukan

Abd. Jalil Borham, 2002, *Pengantar Perundangan Islam*, Johor: UTM

Abdul Qader 'Awdah,.1999, *Criminal Law of Islam*, Kitab Bhavan, New Delhi, India

Abdul Qader 'Awdah,1993, *Al-Tasyri' Al-Jina'I Al-Islami*, Juz 1, Cairo: Maktabah Dar Al-Thurath.

Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi, 2015, *Fiqh Jenayah Islam*, Al-Hidayah Publications

Adibah Bahori, Prof Madya Dr. Siti Zubaidan Ismail, Nik Khazarita Nik Md Khalib, 2017, Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Akhlak Di Malaysia : Analisis Pendekatan Undang-undang Syariah, *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017*, (INSAN2017), Ayer Keroh, Melaka, Malaysia 1-2 November

Al-Dusuqi, Syamsu Ad-Din Al-Syeikh Muhammad 'Arafah, 1230H, *Hasyiah Al-Dusuqi Ala Syarh Al-Kabir*, Jilid 2, Misr: Dar Al-Ihya' Al-Khutub Al 'Arabiyyah.

Al-Nawawi, Imam Abi Zakariyya Yahya Ibn Syarf, 1966, *Rwadah Al-Talibin*, Jilid 4, Kaherah : Al-Maktab al Islami

Al-Quran Al-Kareem

Alwi Hj. Abdul Rahman, 1999, *Jenayah Kanak-kanak Menurut Undang-undang Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Azhar Ahmad, 2006, Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak, Tesis PhD, Bangi: UKM

Azizah Mat Rashid, Nor Adha Abdul Hamid, Norul Huda Bakar, 2015, Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-undang Sebagai Benteng Menanganinya, *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* . Jilid I, Isu 1 (2015), 1-18

G. Gardner. 1958, *The Purposes of Criminal Punishment*, *The Modern Law Review*, Vol 21.No. 3.

Ibn Humam, Muhammad Ibn 'Abd Al-Wahid, 1970, *Syarh Fath al-Qadir*, Jilid IV, Kaherah: Matba' al-Kubra Bal-Amiriyyah

Ibn Qudamah, Abu Abdullah Muhammad, 1972, *Al-Mughni*, Jilid 4, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi

Jasri Jamal, Hasnizam Hashim, 2014, Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman Bagi Kes-kes Jenayah Syariah, *'Ulum Islamiyyah Journal*, Vol.12

Mahamad Naser Disa, 2011, Perintah Pemulihan Sebagai Hukuman Alternatif Dalam Undang-undang Jenayah Syariah Di Malaysia, Seminar Pendakwaan Syariah, Shah Alam, 1 Januari.

Mahmud Saedon Awang Othman, Nizam Uqubah Dalam Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia, di dalam Abdul Monir Yaacob, Sarina Othman, 2000, *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: IKIM

Mohammad Shabbir, 2002, *Outlines Of Criminal Law And Justice In Islam*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, IIUM

Mohd Abu Hassan Abdullah, Prof Madya Dr. Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya, 2017, Pesalah Muda Dalam Kes Jenayah Syariah Di Malaysia : Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan Dari Perspektif Prinsip Syariah, *Current Legal Issue*, 1-11

Muhammad Fathi Yusof, 2014, *Kesesuaiaan Perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia*, Shah Alam: UITM

Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, 2016, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Jil 8, Kuala Lumpur: Pustaka Salam

Noor Huda Roslan, 2013, Hukuman Alternatif Dari Perspektif Syara’ dan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Konvensyen Perundangan Syariah, Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, SUK Seremban, 6 Mac

Norliana Zaimon, Mohd Al Adib Samuri, 2018, Aplikasi Hukuman Alternatif Bagi Kes Jenayah Syariah Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor, **Jurnal Hukum**, 47 (1), 1-24

Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2017, Pemulihan Akhlak Di Pusat Perlindungan Wanita : Kajian Di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah, *Jurnal Hadhari* 9 (2)

Paizah Hj Ismail, 1996, Undang-undang Jenayah Islam, Dewan Pustaka Islam, Selangor  
Ramizah Wan Muhammad, 2018, Keadilan Restoratif Dan Retributif Dalam Syariah Dan Di Malaysia : Satu Sorotan, *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 3(1)

Rusdiana Hamid, 2006, Reward dan Punishment Dalam Perspektif Pendidikan Islam, *Ittihad Jurnal Kopertis Wilayah XI*, Kalimantan, 4(5)

Siti Shamsiah Md Supi, 2005, *Asas Dan Kerangka Perundangan Negara Islam Dan Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM

Siti Zubaidah Ismail, 2008, Dasar Dan Amalan Penghukuman Kes Jenayah Di Mahkamah Syariah : Ke Mana Halatuju?, *Jurnal Hukum*, Jil. 27(1), 1-20

Siti Zubaidah Ismail, 2011, Hukuman Alternatif Dari Perspektif Undang-undang Syariah, *Shariah Law Report* (2011, 4 ShLR), hlm xxv

Siti Zubaidah Ismail, 2013, Penjara Khas Bagi Pesalah Syariah : Satu Keperluan?, *Shariah Law Reports*. 2013, 2 ShLR, 1-8

Trilok Singh, 2011, *Towards Women's Rights Protection*, New Delhi: G.S Rawat

Wahbah Al-Zuhaili, 2002, *Fiqh dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Yusof Al-Qaradawi, 1998, *Panduan Memahami Syariah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi